

**Fahaman Syiah Tidak Harus Diamalkan Di Negara Ini, Kata Dr Mahathir
Bernama
1 Okt, 2013**

PETALING JAYA, 1 Okt (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata fahaman Syiah tidak harus diamalkan di negara ini kerana boleh menimbulkan ketegangan dalam kalangan umat Islam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) berkata kewujudan fahaman Sunni dan Syiah di sesebuah negara kebiasaanya membangkitkan permusuhan hingga terjadinya pecah belah dalam masyarakat.

"Esok berkelahi, buat masjid yang berasing, berbunuhan. Itu yang kita tidak mahu.

"Jika dia (pengikut Syiah) mahu ikut agama dia di Iran ikut suka dia, tetapi dia datang sini jangan kacaulah," katanya kepada pemberita dalam program Bicara Petang bersama Tun Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Menurut Dr Mahathir tafsiran agama tidak boleh terlalu berbeza sehingga berlakunya pertumpahan darah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982230>